

Pelaksanaan projek mega lonjak ekonomi

» *Bajet 2013 tingkat perbelanjaan swasta, beri manfaat jangka panjang*

► Kuala Lumpur

Langkah yang diketengahkan dalam Bajet 2013 akan memberi manfaat kepada orang ramai serta tidak banyak memberi kesan negatif kepada ekonomi.

Seorang pakar cukai dari firma perakaunan Cheng & Co, Kwai Lam Soon, berkata walaupun terdapat kebimbangan mengenai defisit, kerajaan sudah melaksanakan tugasnya dengan baik menerusi pengenalan inisiatif terbaik untuk

meningkatkan ekonomi.

Beliau berkata, pengenalan inisiatif terbaik itu termasuk pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan bonus satu setengah bulan kepada penjawat awam, walaupun sesetengah pihak mendakwa sebagai 'gula-gula pilihan raya'.

"Lain-lain enjin ekonomi yang kerajaan beri tumpuan dalam Bajet 2013 adalah perbelanjaan awam dan swasta yang membentuk hampir 28 peratus daripada ekonomi.

"Walaupun ramai yang mengulas Bajet itu adalah untuk pilihan raya kerana banyak 'gula-gula' yang diberikan, langkah berkenaan pastinya untuk meningkatkan perbelanjaan swasta dan seterusnya ekonomi negara," kata Lam Soon, seorang rakan kongsi dalam firma perakaunan itu yang juga adalah

antara yang terbesar di Malaysia.

Mengekalkan pertumbuhan

Mengulas lanjut, Lam Soon yang juga seorang panel dalam siri ceramah yang akan dianjurkan, berkata berikutan eksport Malaysia membentuk 40 peratus daripada ekonomi, negara terpaksa bergantung kepada enjin ekonomi yang lain untuk mengekalkan pertumbuhan kerana permintaan luaran bagi eksport masih belum pulih sepenuhnya.

Langkah itu termasuk memberi tumpuan kepada pelaburan swasta dalam projek yang sudah terkandung di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) serta sektor pembinaan.

"Mengambil kira projek mega seperti MRT, Tun Razak Exchange dan projek lain, kami mengun-

jurkan pembangunan hartanah dan pembinaan akan memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi.

"Pada 2011, kadar pertumbuhan sektor pembinaan adalah 4.6 peratus tetapi untuk 2012, ia dijangka menjadi 15.5 peratus, yang mana adalah peningkatan besar," katanya.

Bagaimanapun, masih terdapat kebimbangan mengenai bajet defisit berikutan hutang negara sudah melebihi 53 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), hampir dengan tahap siling 55 peratus, justeru kebimbangan sekarang ialah sama ada kerajaan boleh terus meminjam dan berbelanja. Bajet 2013 juga mempunyai berita baik bagi sesetengah syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), seperti peruntukan RM1 bilion kepada SME Bank dan RM200 juta

kepada Dana Pembiayaan Harta Intelek yang akan menyediakan subsidi pinjaman dua peratus kepada PKS yang menggunakan Harta Intelek mereka untuk mengembangkan perniagaan.

Pembiayaan bank

Lam Soon berkata, walaupun perniagaan PKS masih akan kekal bergantung terutama kepada pembiayaan bank, terdapat satu inisiatif bagus dalam Bajet 2013 yang akan membantu PKS mendapatkan pembiayaan kewangan iaitu penciptaan model penilaian untuk Harta Intelek.

"Bagi tujuan cukai pendapatan Malaysia, pelepasan cukai ke atas aset modal hanya diberi ke atas aset ketara dan kos yang ditanggung oleh pengambilalihan IP tidak diberikan sebarang pengecualian cukai," katanya.